

MASKULIN

50+

SELEKSI TIP & PRODUK

RAPI DIRI KEKAL
SEGAR TAMPAK
SETIAP HARI

HILANG
PERCAYA
DIRI DI TEMPAT
KERJA
JANGAN SAMPAI
DITINDAS!

KAPTEN JAMES
BERTARUNG NYAWA
DEMI MISI 1RTW

20 ILHAM
STAIL
MODEN
& **KLASIC**
SAMBUT MERDEKA RAYA

MENANG!

SET PRODUK GROOMING SG MEN AKTIV EDT
& SCHICK EXACTA 2 DISPOSABLE



"JADI IKON BELIA
BUKAN TUGAS MUDAH"
-FIZO OMAR

**LOVE
WAR**

PERLU CEKAP ATUR
STRATEGI JERAT
KEKASIH HATI

BILA
WANITA **PMS**
BAGAIMANA NAK LAYAN?

7 TIP ELAK POKAI
PADA MUSIM PERAYAAN

FORMULA DRAZIZAN
PRINSIP 10'S UNTUK
HIDUP LUAR BIASA

ISSN 1675-0497




9 771675 049052

maskulin.karangkraf.com



SEVENFRIDAY

Jenama jam tangan dari Sweden menghasilkan rangkaian jam tangan siri pertama yang diilhamkan unsur-unsur alatan pertukangan seperti enjin, mesin dan roda. Binaannya berdasarkan elemen kukuh iaitu direka daripada keluli tahan karat. Menawarkan gaya maksimum, gabungan rekaan klasik dan moden.



BIEM

BIEM melancarkan koleksi dalam rona dan rekaan berani untuk musim baru ini. Bertemakan "Living Colours", koleksi ini menjanjikan serta menawarkan pelbagai rona menarik bagi pakaian bekerja. Koleksi ini menggalakkan lelaki moden untuk mengekspresikan diri dengan mencampurkan dan suaipadan rona tatkala melangkah ke pejabat. Diilhamkan era retro 1960-an, koleksi ini turut menampilkan jaket lapel nipis untuk menampilkan corak dalaman yang menarik. Terdapat juga banyak pilihan corak pada baju, kardigan dan seluar nipis dengan sentuhan kreatif menyerlahkan lagi keseluruhan pakaian.



NIKE

Nike baru sahaja melancarkan model but bola sepak terbaru iaitu Nike Hypervenom. Ketangkasan pemain-pemain bola sepak terkemuka membolehkan Nike terus mencipta model Nike Hypervenom agar ia mempertingkatkan prestasi permainan. Kasut ini memberikan tahap keselesaan yang menakjubkan dan membolehkan tindak balas pergerakan di bahagian kaki dapat dirasai ketika beraksi di padang.




HUGO BOSS GREEN

Sungguh praktikal dan cukup 'stylish'! Himpunan rekaan terbaru kasut Hugo Boss merupakan item fesyen berteknologi tinggi berlandaskan imej muda dan segar. Hadir dalam tekstur dan rona neon menyerlah, fungsinya memberikan keselesaan dalam mempertingkatkan gaya penampilan sehari-hari. Dimensi baru rekaan kasut ini menonjolkan sisi maskulin jejak moden dengan sentuhan urban dan pastinya tidak menghamparkan.

f RESPONS FACEBOOK

EDISI JULAI 2013



K "Tahniah kepada team Maskulin untuk keluaran yang dikira antara termantap! Overall nice dengan editing cover page mmg cantik, content dalamnya yang menarik, dan topik yang dihamparkan juga dibincangkan dan direncanakan dengan begitu baik! MASKULIN mmg antara bahan rujukan yang perlu kpd para jejaka di luar untuk dijadikan bahan bacaan terbaik! Tahniah sekali lagi team Maskulin. Semoga terus berjaya kelak" - Izkan

Tomas Berdych

Ketahui perkembangan dan info terkini di samping bertemu dan berkongsi idea serta pandangan bernas di Facebook MASKULIN. Ikuti kami di Twitter dan Instagram dengan menuai @MaskulinMag.



INGIN MEMBERIKAN IDEA ATAU KOMEN? KONGSIKAN BERSAMA KAMI

KK <Jarak> MAS <Jarak>
A <Pendapat, nama penuh
anda & asal>
dan hantar ke 33333

GAYA UNTUK PENGGEMAR BUNDLE

Selamat Hari Raya MASKULIN. Saya salah seorang pembaca yang kerap kali menantikan pengisian dari pelbagai sudut ruangan. Terutama tentang karier dan motivasi serta tidak terlepas paparan bajet fesyen. Apa yang terbaik dipaparkan adalah yang terbaik buat pembaca Maskulin semua. Tetapi kami juga ingin diketengahkan paparan mengenai gaya 'trending' khusus buat penggemar 'bundle' di luar sana.


Buat pengetahuan Maskulin, saya salah seorang penggemar 'Bundle' yang juga sering kali memanipulasi corak penampilan sama ada waktu bekerja ataupun di luar formal. Bajet 'Bundle' tidaklah terlalu besar namun masih boleh dikagumi. - Pit

Toufeq



KEM BENTUK TUBUH FIT

Assalamualaikum. Saya mencadangkan Maskulin mengadakan satu kem 100 hari untuk fit bagi golongan kurus dan gemuk. Pasti ramai yang tertarik. Kalau boleh tambahkan lagi info untuk orang kurus tentang pemakaian dan cara makan - Muhammad Fairuz Abdullah



FESYEN UNTUK SI TUBUH BESAR

MASKULIN merupakan majalah pilihan saya setiap bulan. Sedikit sebanyak membantu saya mengubah imej saya. Namun, saya masih menantikan sudut fesyen untuk tubuh berisi. Saya berharap dengan adanya sudut fesyen untuk tubuh berisi dapat meningkatkan lagi keyakinan kepada mereka. Ia bagi menampilkan imej yang lebih elegan dan rileks walaupun mempunyai saiz badan besar. Apa-apa pun, Go, go, go MASKULIN! - Alexander Zulkarnaen